



**TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KPWKM BIL.6/2025**

**LOKASI / TARIKH / MASA**

**DEWAN NUR KPWKM  
26 JUN 2025 (KHAMIS)  
10.30 PAGI**

*Kemas kini 25 Jun 2025*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. **Alhamdulillah**, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berkumpul dalam Perhimpunan Bulanan KPWKM yang ke-6. Terima kasih kepada Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Tribunal bagi Anti-Gangguan Seksual (TAGS) dan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM) yang telah menjayakan perhimpunan kita pada kali ini.

2. Perhimpunan kali ini cukup istimewa kerana kita turut meraikan sambutan Hari Bapa pada bulan Jun, sambil memberikan tumpuan khusus kepada isu kesihatan dalam kalangan lelaki.
3. Saya difahamkan pagi tadi aktiviti senam sihat lelaki disusuli dengsn sesi ceramah kesihatan lelaki telah diadakan dan dianjurkan oleh LPPKN. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua yang terlibat. Inisiatif seperti ini harus diteruskan kerana pencegahan bermula dengan kesedaran.

## **Bulan Kesihatan Mental Lelaki & PSSS YKN**

4. Selain itu, Jun merupakan Bulan Kesedaran Kesihatan Mental Lelaki. Ramai lelaki yang menanggung tekanan dalam diam. Kita perlu ubah perkara ini dan membuka ruang untuk mereka tidak malu untuk bersuara dan dibantu.

5. Saya bangga Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) YKN telah ke udara di Hot FM bersama KJ, Johan, Fara dan AG — berkongsi cabaran sebenar lelaki. Ujian DASS (*Depression, Anxiety & Stress Scale*) spontan di udara? Itu strategi komunikasi yang sangat baik dan berkesan.

## **Ziarah Kasih dan Bantuan PEKA Mangsa Kemalangan Bas**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

6. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk sekali lagi menyampaikan salam takziah kepada semua waris mangsa tragedi kemalangan bas yang melibatkan pelajar UPSI yang berlaku baru-baru ini.

7. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada **Timbalan Menteri, Dato' Sri Dr. Noraini Ahmad** yang segera meluangkan masa melawat mangsa nahas di hospital Ipoh dan Taiping.
8. Sebanyak 22 keluarga mangsa kemalangan bas di Jerneh dan Setiu telah disantuni melalui bantuan Skim PEKA oleh YKN – bukan sekadar bantuan kewangan, tetapi tanda kasih dan solidariti negara.

9. Dalam masa yang sama, Sukarelawan Kaunselor Berdaftar (SKB) Lembaga Kaunselor Malaysia Zon Timur telah mula mengumpul maklumat awal bagi merancang intervensi Psychological First Aid (PFA) secara berfasa dari Julai hingga September 2025, termasuk sesi kaunseling dan khidmat susulan yang bersesuaian bagi menyokong mangsa dan waris secara berterusan.

## **TAGS – TRIBUNAL ANTIGANGGUAN SEKSUAL**

Puan-puan dan tuan-tuan,

10. Dalam aspek keselamatan sosial, saya ingin memaklumkan bahawa sejak pengoperasian Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS) pada 8 Mac 2024 hingga 15 Jun 2025, sebanyak **43 aduan telah didaftarkan**. Daripada jumlah ini, **36 aduan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh 60 hari**. Tahniah kepada TAGS dan Ini mencerminkan kecekapan sistem yang kita bangunkan.

11. Majlis penyerahan projek ubah suai pejabat TAGS di Bangunan Menara Aras Raya juga telah berjaya dilaksanakan pada 17 Jun yang lalu oleh YBhg. Datuk Dr. Maziah Binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha, KPWK. Semoga selepas ini TAGS boleh beroperasi secara maksimum di pejabat yang baharu dan memberi keselesaan kepada orang ramai yang ingin mendapatkan perkhidmatan TAGS.

## **LPPKN – Pemerkasaan dan Kolaborasi Global**

12. Saya ucapkan tahniah kepada Ketua Pengarah LPPKN, YBrs. Tuan Haji Abdul Shukur Abdullah atas penganugerahan Johan Mangku Negara (J.M.N.) — satu penghargaan besar atas kepimpinan beliau dalam memperkukuh perkhidmatan keluarga negara.

13. Antara usaha terkini LPPKN termasuk penganjuran Kem Kapten Keluarga sempena Hari Bapa tahun ini di Damai Escape Park, Sarawak, yang mempererat hubungan antara bapa dan anak lelaki melalui aktiviti seperti Eksplorasi Kasih Keluarga, Kenali Ayah Kenali Anakmu, Bicara Hati dan Malam Unggun Api.

14. LPPKN juga meneruskan Program PEKERTI Negara 2025 yang menyasarkan 150,000 penerima manfaat dengan fokus kepada pendidikan intervensi sosial dan seksual untuk remaja dan komuniti. Di peringkat global, LPPKN mengukuhkan kerjasama melalui lawatan delegasi Shanghai Municipal Health Commission bagi membincangkan isu rawatan kesuburan dan penjagaan keluarga.

## **JPW – Memacu Wanita Dalam Dunia Digital**

15. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) pula memperlihatkan pencapaian luar biasa dengan Program Wanita Gig@BIT yang mencatat **peningkatan 318% penyertaan** tahun ini, melibatkan **lebih 5,900 peserta**. Program ini menyediakan pelbagai latihan digital, literasi keselamatan siber, bengkel keusahawanan serta kolaborasi dengan rakan industri.

16. Program Inspirasi Wanita yang bertemakan *Lead to Wellbeing* juga diteruskan di Sabah dan Pulau Pinang dengan matlamat membimbing wanita mencapai kesejahteraan menyeluruh secara fizikal, mental dan rohani. Malah, program *Womenpreneurs: Shaping the Future Economy* telah membuka lebih banyak peluang kepada wanita menceburi ekonomi digital yang diunjur menyumbang RM6 bilion kepada KDNK negara.

## **JKM – Advokasi, Perlindungan dan Pengurusan Bencana**

Para hadirin sekalian,

17. JKM telah melaksanakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak di Kelantan dan Perak serta Simposium PKKK Kebangsaan 2025 bagi memperkukuh perlindungan kanak-kanak. Setakat ini, 297 daripada 300 advokasi di sekolah dan 28 advokasi di PAKK telah berjaya dilaksanakan di seluruh negara pada tahun ini.

18. Saya juga telah merasmikan Majlis Perasmian Penggunaan Sistem eBantuan JKM di Sarawak. Sistem ini memberi pelbagai manfaat termasuk pemantauan lebih mudah, ketelusan perbelanjaan, pengurangan penyelewengan, dan memastikan pematuhan peraturan kewangan. Ini merupakan satu langkah penting ke arah penyampaian kebajikan yang lebih telus dan efisien.

19. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) yang telah bertungkus-lumus sepanjang Monsun Timur Laut 2024/2025. Dalam tempoh mencabar itu, lebih 343,000 mangsa daripada lebih 100,000 keluarga telah ditempatkan di 1,612 PPS. Dedikasi anda amat kami hargai. Kini, kita teruskan usaha memperkukuh kesiapsiagaan demi menjaga keselamatan dan kebajikan rakyat apabila musibah melanda.

## **Sorotan Kejayaan KPWKM**

Puan-puan dan tuan-tuan yang dihormati sekalian,

20. Pada 17 Jun lalu, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) KPWKM 2024 telah berlangsung di Bangi Avenue Convention Centre, meraikan 646 kakitangan cemerlang dari pelbagai jabatan dan agensi, termasuk 9 orang OKU. Tahniah dan syabas kepada semua penerima — teruskan kecemerlangan anda!

21. Tahniah juga kepada KPWKM yang berjaya meraih Tempat Kedua Anugerah Reruai Terbaik sempena Program MADANI Rakyat 2025 di Perak. Semoga pengisian di reruai KPWKM terus memberi manfaat dan membawa perkhidmatan yang dekat dengan rakyat.

22. Di peringkat antarabangsa, KPWKM turut terlibat dalam ASEAN+3 Regional Conference on Integration Policy in Fostering an Inclusive Ageing Society pada 11 Jun 2025 di Bangkok. Persidangan ini menjadi platform penting untuk berkongsi amalan terbaik dan mengukuhkan kerjasama serantau dalam menyokong penuaan aktif dan dasar penuaan inklusif.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

23. Semua yang saya kongsiikan hari ini adalah bukti bahawa kerja kita memberi impak besar — dari perlindungan kanak-kanak dan kesihatan mental lelaki, ke ekonomi digital wanita dan sokongan kepada keluarga. Mari kita terus berkhidmat dengan jujur dan sepenuh hati. Kecil di mata kita, tapi besar di hati rakyat.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**26 Jun 2025**